

UPM pindah ilmu, perkasa komuniti pesisir melalui penternakan ketam renjong

Melaka: Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS) memperkukuh usaha pemindahan ilmu kepada komuniti pesisir menerusi 'Program Translational 2023: Empowering Social Transformation through Aquaculture' yang berlangsung di Pangkalan Nelayan Kuala Sebatu, Sungai Rambai, baru-baru ini.

Program yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), agensi kerajaan serta komuniti setempat itu memberi fokus kepada aktiviti pelepasan benih ketam renjong (*Portunus pelagicus*) dalam usaha memulihara sumber marin serta memperkasakan sumber ekonomi tempatan.

Pengarah I-AQUAS, Prof Dr Ahmad Zaharin Aris, berkata inisiatif itu menjadi platform penting untuk membangunkan akuakultur berimpak tinggi

selain membantu meningkatkan pendapatan nelayan secara mampan.

"Ketam renjong adalah antara sumber utama ekonomi bagi komuniti nelayan. Menerusi program ini, kita terjemahkan hasil penyelidikan universiti dalam bentuk bimbingan terus kepada komuniti, termasuklah teknik penternakan ketam renjong," katanya.

Katanya, sejak program dimulakan dua tahun lalu, lebih 250,000 ekor benih ketam renjong dilepaskan ke kawasan perairan sekitar Sungai Rambai melalui empat fasa.

"Sebelum ini, hasil tangkapan nelayan hanya sekitar tiga hingga empat ekor sahaja bagi setiap 'trip'.

"Kini, pendaratan mencecah 80 kilogram, membolehkan pendapatan nelayan meningkat sehingga RM4,000 sebulan," katanya.



Dr Ahmad Zaharins bersama Timbalan Pengarah I-AQUAS, UPM, Prof Dr Murni Marlina Abd Karim melepaskan benih ketam renjong di Kuala Sebatu, Sungai Rambai, Melaka.